


Berit@UTeM

www.utem.edu.my | Edisi Ogos 2015




Selamat Datang
Pelajar Baharu UTeM
2015/2016

Kempen Kibar
JALUR GEMILANG

WACANA CANSOLOR

Mahabbah Eidulfitri **1436H**



UTeM SAHUT CABARAN MOHD KHALIL CAPAI KONTEKS UNIVERSITI TERKEMUKA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyahut hasrat Yang Di-Pertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob mencapai konteks sebagai sebuah universiti terkemuka di masa hadapan.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, sejak ditubuhkan tahun 2000, UTeM telah mencapai pelbagai kejayaan termasuk penarafan dan kedudukan universiti.

Beliau berkata, setiap kejayaan dan pencapaian itu perlu diambil berat supaya tidak diambil mudah oleh pihak UTeM untuk bersaing di peringkat antarabangsa. "Kita mesti bekerjasama lebih kuat dalam satu kumpulan di setiap peringkat sama ada dalam kalangan pelajar, pensyarah, kakitangan mahupun Ahli Lembaga Pengarah. "Usaha ini pasti dapat menjadikan UTeM terus relevan selain menekankan tentang keperluan masyarakat setempat dalam peranan UTeM sendiri atau dalam

konteks negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Wacana Canselor dan Mahabbah Eidulfitri 1436H di Dewan Besar UTeM di sini semalam yang dirasmikan oleh Mohd Khalil.

Shahrin berkata, pendidikan teknikal hari ini menjadi agenda utama dalam pelan pendidikan yang perlu diketengahkan ke serantau dunia.

"Saya yakin, usaha pelbagai pihak pasti dapat menjadikan UTeM sebagai universiti teknikal yang memainkan peranan dalam bidang tersebut," katanya.

Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron dan isteri, Datin Seri Fadilah Abdullah; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Othman Muhamad serta Exco-Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri Melaka.



SAMBUTAN AIDILFITRI SERLAH KEHARMONIAN WARGA UTeM

Kemeriahan sambutan aidilfitri masih hangat terasa oleh semua warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang hadir di majlis rumah terbuka aidilfitri dibawah anjuran Pejabat Naib Canselor (PNC) dan Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori (PPPC) baru-baru ini.

Dataran canselori bertukar menjadi syurga makanan apabila gerai-gerai didirikan bagi menyediakan pelbagai hidangan kepada warga universiti. Pelbagai juadah disediakan antaranya soto, ketupat, nasi arab dan kuih muih untuk santapan tetamu.

Menurut Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, rumah terbuka ini sudah menjadi suatu amalan apabila menyambut perayaan. Bukan sahaja menyambut aidilfitri malah perayaan bangsa lain juga akan turut sama mengadakan rumah terbuka.

"Selain untuk meraikan warga UTeM, majlis ini juga merupakan salah satu inisiatif bagi menyuburkan nilai-nilai kerjasama dalam kalangan warga universiti," jelasnya.

Selain itu, dengan adanya majlis sebegini, warga UTeM mengambil kesempatan untuk bertemu dengan rakan sejawat dan ketua jabatan masing-masing untuk memohon kemaafan dan mengakhiri segala persengketaan supaya produktiviti kerja dapat dipertingkatkan.



SIDANG EDITORIAL **Berit@UTeM**

Ketua Editor
Fazidah Ithnin


Wartawan
Zulfatria Abdullah

Tengku Nur Nadhirah Tengku
Md Saabri

Reka Letak Grafik
Shahril Hazizi Abu Bakar

Jurufoto
Jurufoto Rasmi Universiti

Pengedaran
Mohamad Haffize Ramli





MALAYSIA
#sehatisejiwa

Warga UTeM Perkukuh Semangat Patriotik



Warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyahut seruan kerajaan dalam memeriahkan sambutan kemerdekaan yang ke-58 tahun ini dengan mengibarkan jalur gemilang untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib telah melancarkan kempen kibar jalur gemilang peringkat universiti dengan melekatkan jalur gemilang di kenderaan rasmi universiti sebagai tanda simbolik kepada pelancaran kempen tersebut.

Menurut Shahrin, hari kemerdekaan negara wajar diraikan dengan penuh semangat patriotisme dan semua pihak perlu memainkan peranan yang penting ke arah matlamat itu.

"Dalam kempen ini rakyat seharusnya bersatu padu dan menanam perasaan cinta terhadap bangsa dan negara yang merupakan sebahagian sifat patriotik sejajar dengan tema hari kemerdekaan pada tahun ini iaitu sehati sejiwa yang mencerminkan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat di negara ini.

Selain itu, sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya rasa bangga dan bersyukur terhadap keharmonian negara dengan mengibarkan jalur gemilang di kediaman, premis perniagaan dan tempat tumpuan awam bagi menunjukkan rasa cinta terhadap negara", ujar beliau.



Beliau juga turut menyeru warga UTeM agar meningkatkan lagi semangat kenegaraan dan memupuk perasaan cinta terhadap negara disamping menghayati pengorbanan pejuang terdahulu yang telah berkorban demi kemerdekaan negara.

Bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan itu, bendera jalur gemilang turut menghiasi kawasan persekitaran kampus-kampus UTeM termasuk di laluan utama universiti, bangunan-bangunan pentadbiran serta fakulti-fakulti.

Turut hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) Prof. Madya Dr Izaidin Abdul Majid dan Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) Prof. Datuk Dr. Zolkepli Buang, pengurusan tertinggi dan warga universiti.

12 Ogos - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bakal melebarkan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang dengan beberapa buah universiti di Chengdu, China meliputi bidang akademik dan pertukaran pelajar serta staf.

Demikian dinyatakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib ketika mengetuai lawatan kerja ke University of Electronic Science and Technology China (UESTC) dan Sichuan University (SU) di Chengdu China pada 30 hingga 31 Julai yang lalu.

Menurut beliau, antara inisiatif kerjasama lain yang boleh dijalinan oleh UTeM dengan universiti-universiti tersebut adalah kerjasama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (P&P), penyelidikan dan inovasi (P&I), latihan bersama serta strategi ke arah pengemaskinian perkembangan teknologi yang terkini.

"Lawatan ini telah memperlihatkan potensi dan peluang kedua-dua pihak untuk menjalinan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang berikutan kebersamaan UTeM dengan universiti-universiti tersebut yang fokus dalam bidang teknikal" ujar beliau.

Jelas beliau, kerjasama yang bakal dibentuk itu dilihat akan meningkatkan lagi prestasi dan kecemerlangan UTeM yang komited untuk mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan (TVET) bagi melahirkan graduan berkemahiran teknikal tinggi.

UTeM BAKAL JALIN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN UNIVERSITI CHINA



Dr. Shahrin berkata, selaku universiti teknikal awam pertama di negara ini yang menerima status autonomi, UTeM sentiasa menitikberatkan aspek pengantarabangsaan bagi mempertingkatkan kerjasama strategik dengan universiti ternama dari luar negara seperti UESTC dan SU yang merupakan antara universiti berprestij di China.

Jelas beliau, ketika ini UTeM telah menjalinan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan beberapa buah universiti tersohor luar negara seperti Tokushima University Jepun, Fachhochschule Hannover University of Applied Science and Arts (FHH) Jerman, Institute of Technology Ireland (ITI), King Khaled University Arab Saudi dan Qinghai Normal University, China.

Sepanjang lawatan, delegasi UTeM turut berkesempatan mengadakan perbincangan berkaitan strategi penjenamaan universiti, promosi dan pengurusan korporat yang bersesuaian untuk dilaksanakan di UTeM sebagai langkah penambahbaikan kepada amalan sedia ada.

Dalam perkembangan sama, Dr. Shahrin dan Ketua Pegawai Maklumat UTeM Mohd Isa Mohd Dom turut berkesempatan menghadiri persidangan Massive Open Online Courses (MOOC) anjuran Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO) yang telah diadakan di BCC Jinjiang Resort Qingcheng, Chengdu bagi berkongsi pengalaman dan idea dalam melaksanakan pendekatan e-pembelajaran yang dipraktikkan oleh UTeM semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.



UTeM DAN UNIVERSITI JERMAN BAKAL TAWAR PROGRAM PENGAJIAN BERKEMBAR

13 Ogos - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menandatangani memorandum perjanjian bersama Rosenheim University of Applied Sciences (RoUAS), Jerman bagi melaksanakan penawaran program sarjana berkembar bagi pelajar pascasiswazah.

Perjanjian bersejarah itu telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib manakala RoUAS diwakili oleh Presiden Prof. Heinrich Koster berlangsung di Kampus Induk Durian Tunggal.

Pelaksanaan program itu akan membabitkan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dan akan melibatkan pelajar fakulti dari kedua-dua buah universiti tersebut yang dijangkakan akan bermula pada September ini.

Program sarjana berkembar itu akan membabitkan sebahagian proses pembelajaran di UTeM dan sebahagian lagi dilaksanakan di RoUAS sekaligus akan memberi nilai tambah kepada pelajar tersebut kerana berpeluang mendapat pendedahan meluas sewaktu di Jerman nanti.

RoUAS dikenali kerana mempunyai hubungan strategik dengan beberapa syarikat gergasi



Jerman seperti BMW, Bosch, Freescale, Infineon dan ST Microelectronics dan ini akan memberi kelebihan kepada pelajar program tersebut semasa menjalankan penyelidikan. UTeM dan RoUAS telah menjalinkan kerjasama setelah diperkenalkan oleh Infineon Malaysia yang juga merupakan rakan industri UTeM.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UTeM Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Dekan FKEKK Prof. Dr. Abdul Rani Othman, pengurusan kanan univ

Jelajah Soaring Upwards KPT

Usaha memperkasakan bidang penyelidikan yang dilakukan di semua lima universiti penyelidikan (RU) membantu melonjakkan kedudukan universiti tempatan di peringkat antarabangsa.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata ini terbukti apabila bidang penyelidikan dilakukan Universiti Malaysia (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) terus menyumbang kepada penghasilan pelbagai penerbitan berpengaruh.

Malah, beliau turut berbangga apabila empat professor Malaysia yang juga dari RU tempatan berjaya tersenarai antara minda saintifik paling berpengaruh di dunia oleh firma maklumat penerbitan Thomson Reuters. "Apabila kerajaan mula memfokuskan kepada universiti penyelidikan pada 2006, kita sudah melihat berlaku peningkatan dalam pelbagai bidang penyelidikan hingga mampu mengatasi Singapura pada tahun 2010.

"Malah kini, peningkatan dalam bidang pembangunan penyelidikan itu berterusan, membuktikan keseimbangan kecemerlangan bakat yang holistic dalam memacu pembangunan pendidikan tinggi negara," katanya pada sidang media selepas merasmikan sesi "Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi: Soaring Upwards" di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka

(MITC), di sini semalam.

Program anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) itu turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Wira Md Yunus Husin dan Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib.

Dalam pada itu, Idris berkata, siri jelajah yang dimulakan di Kuantan, Pahang dan akan bergerak ke seluruh negara bertujuan untuk menerangkan secara holistic sistem pendidikan tinggi negara dari semasa ke semasa.



ICTMT PLATFORM KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAN

5 Ogos - Penganjuran Persidangan Antarabangsa Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (IC-TMT 2015) telah berjaya menyediakan platform kepada ahli-ahli akademik, penyelidik, pengamal dan pelajar untuk berkongsi penyelidikan dan amalan terbaik dalam inovasi dan pembangunan mampan.

Persidangan kali ketiga anjuran Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) itu telah menarik penyertaan hampir 100 peserta dari dalam dan luar negara.

Dengan bertemakan "Memperkasakan Inovasi Ke Arah Pembangunan Mampan", persidangan selama 2 hari bertempat di Kampus Bandar UTeM itu telah berjaya mencapai matlamatnya untuk menghimpunkan semua kumpulan pihak berkepentingan dalam bidang akademik untuk berkongsi pendapat, wacana dan idea ke arah merintis kepada inovasi dan pembangunan mampan.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib di dalam ucapan perasmian berkata, tema persidangan pada tahun ini yang membincangkan peranan inovasi dalam memacu pembangunan mampan dalam setiap organisasi amatlah bertepatan selaras dengan keperluan masa kini.

"Dunia ketika ini sedang menghadapi pelbagai krisis alam sekitar seperti perubahan iklim, kekurangan sumber dan pencemaran alam sekitar yang memerlukan pendekatan yang seimbang, berdaya maju dan strategik bagi

menggalakkan inisiatif hijau untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan, meningkatkan daya saing antarabangsa tanpa mengorbankan pemuliharaan alam sekitar" ujar beliau. Jelas beliau, banyak negara telah mula membangunkan serta melaksanakan beberapa pendekatan polisi dan strategik termasuk pembangunan lestari bagi merangsang pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Persidangan itu turut menyaksikan pembentangan pelbagai kertas kerja dan persembahan poster daripada para peserta.

Yang turut hadir Dekan FPTT Dr. Mohd Syaiful Rizal Abdul Hamid, Pengerusi ICTMT 2015 Dr. Fararishah Abdul Khalid serta pengurusan kanan universiti.



UTeM TERIMA KUNJUNGAN PENERUSI SYDNEY ACCORD

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Datuk Shahrin Sahib telah menerima kunjungan hormat oleh Prof. Dr. Robin W. King di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini. Dr. Robin adalah merupakan Pengerusi Sydney Accord yang merupakan badan pengiktirafan jurutera Australia yang bertanggungjawab terhadap pembangunan standard yang diguna pakai dalam menentukan akreditasi terhadap jurutera yang bertauliah dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Dr. Robin mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk kejuruteraan elektronik dan komunikasi serta pernah berkhidmat di beberapa buah universiti terkemuka di Australia.

Dalam kunjungan tersebut, Dr. Robin telah mengadakan perbincangan dua hala bersama pengurusan kanan universiti serta turut diberikan taklimat berkaitan perkembangan dan kemajuan UTeM.

Beliau turut dibawa melawat Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTeM bagi meninjau perkembangan dan pencapaian terkini fakulti tersebut setelah ditubuhkan pada tahun 2011 yang lalu bagi tujuan melahirkan lebih ramai ahli teknologi di negara ini.

Dr. Robin turut dibawa melawat kemudahan makmal serta melakukan ujian akreditasi terhadap beberapa program yang ditawarkan oleh FTK bagi memastikan silibus dan latihan pengajaran yang digunakan menepati status piawaian antarabangsa.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad, Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) Prof. Datuk Dr. Zolkepli Buang dan Dekan FTK Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff.

Dalam perkembangan yang sama, Dr. Shahrin menjelaskan UTeM melahirkan sokongan kepada kerajaan yang telah bersetuju untuk menubuhkan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) berfungsi untuk menyediakan laluan kerjaya kepada ahli teknologi di seluruh negara sekaligus diiktiraf sebagai profesional.

Beliau berkata, penubuhan MBOT itu sememangnya dinantikan UTeM yang sentiasa komited dalam menawarkan kursus akademik yang berkualiti dan diiktiraf bagi melahirkan graduan Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) berkualiti dalam memenuhi keperluan pasaran pekerja mahir negara menjelang 2025 nanti.



UTeM - INFINEON TINGKAT KEBOLEHPASARAN PELAJAR

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Infineon Technologies Sdn Bhd (Infineon) akan terus komited untuk menjalin kerjasama dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan UTeM yang relevan dengan kehendak industri selepas tamat pengajian nanti.

Pengarah Pusat Hubungan Industri UTeM Prof. Madya Dr. Chong Kuan Eng berkata, kerjasama antara UTeM dengan syarikat peneraju semikonduktor terkemuka di dunia itu telah mula dilaksanakan sejak tahun 2011 melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE) yang mendapat sokongan sepenuhnya dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

Melalui kerjasama itu pihak UTeM berganding bahu dengan Infineon mendalami bidang pendidikan, latihan teknikal, penyelidikan, kebolehpasaran graduan dan aktiviti-aktiviti lain yang dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak termasuk pelajar dengan bantuan para ahli akademik melalui fakulti-fakulti yang berkaitan.

Beliau berkata, penubuhan I-CoE itu juga telah merintis beberapa inisiatif bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan UTeM seperti penganjuran Minggu UTeM-Infineon, program latihan, penempatan latihan industri, projek sarjana muda tahun akhir, program

penyelidikan dan teknikal, ceramah industri dan kerjaya serta pelaksanaan High-End Industry Graduate Internship Programme (HEIGIP).

"Pelaksanaan inisiatif tersebut dilihat telah membantu meningkatkan kebolehpasaran pelajar UTeM dan sebagai contoh, pada tahun lepas seramai seramai 23 graduan universiti ini telah terpilih untuk menyertai Infineon selepas tamat pengajian" ujar beliau.



Sementara itu, Minggu UTeM-Infineon 2015 telah berlangsung dengan jayanya pada 1 Jun hingga 3 Jun yang lalu bertempat di Kampus Teknologi UTeM Ayer Keroh.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM Prof. Dr. Mohd Razali Muhammad yang turut dihadiri oleh Pengarah Urusan Infineon Technologies Lee Chong Chee serta pengurusan kanan UTeM dan Infineon Technologies.

Mereka yang membuat sumbangan kepada tabung wakaf UTeM layak mendapat pengecualian cukai pendapatan dibawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Majlis pelancaran tabung itu telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib pada Perhimpunan 1 UTeM yang telah berlangsung pada 13 Mei lepas di Dewan Besar Kampus Induk Durian Tunggal.

Kepada yang berminat untuk menghulurkan sumbangan boleh menghubungi Unit Penjana Pendapatan, Bahagian Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Pejabat Bendahari UTeM di talian 06-3316871 atau layari www.utm.edu.my.



UTeM LANCAR TABUNG WAKAF UNIVERSITI

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melancarkan Tabung Wakaf bagi mengumpulkan dana daripada pelbagai pihak dengan objektif untuk merancang lagi aktiviti kersajanaan ilmu di universiti tersebut.

Menurut Bendahari UTeM Khairul Taib berkata, tabung wakaf UTeM boleh ditakrifkan sebagai konsep amalan kebajikan berasaskan sedekah yang mana hasil atau pulangan yang dijana daripada harta yang diwujudkan boleh dimanfaatkan untuk membiayai pelbagai program atau aktiviti yang berfokus kepada kebajikan pelajar serta warga UTeM yang memerlukan.

Beliau berkata, antara objektif tabung tersebut adalah untuk membiayai aktiviti akademik, penyelidikan dan pembangunan, kebajikan pelajar, dakwan serta pengimarah.

"Sumbangan yang diterima oleh tabung ini juga akan digunakan untuk meningkatkan lagi budaya ilmu melalui penajaan Kursi Profesor, penerbitan bahan saintifik, pembangunan fasiliti akademik serta biasiswa kepada pelajar yang cemerlang" ujar beliau. Dalam usaha menjana pendapatan sendiri, UTeM bertekad untuk menjadi universiti terkehadapan berbanding institusi pengajian tinggi lain di negara ini selaras dengan hasrat kerajaan yang menyasarkan institusi pengajian tinggi awam menjana pendapatan sendiri.

Jelas beliau, dengan mengambil contoh beberapa universiti di luar negara seperti Universiti Harvard dan Universiti Oxford, pelaksanaan tabung itu diharapkan mampu membudayakan amalan memberi sumbangan jangka panjang terutamanya oleh sektor korporat, industri, warga UTeM dan juga masyarakat setempat bagi mengurangkan kebergantungan universiti kepada kerajaan bagi menyediakan lebih banyak peluang pendidikan tinggi.

Zulfatira Abdullah  Jurufoto Rasmi Universiti 

UTeM SEDIA BANTU KUIM JADI UNIVERSITI PENUH

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sedia membantu Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) untuk mencapai status universiti penuh menjelang tahun 2017 nanti.

Demikian dinyatakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib ketika ditemui selepas menerima kunjungan hormat oleh Naib Canselor KUIM Prof. Dr. Mohd Taib Dora di Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin.

Dr. Shahrin berkata, selaku universiti teknikal awam pertama di negara ini yang menerima status autonomi, UTeM bersedia untuk membantu KUIM yang merupakan milik penuh kerajaan negeri untuk mencapai taraf universiti sepenuhnya dengan menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang.

Kerjasama yang bakal dibentuk UTeM dan KUIM itu dilihat akan meningkatkan lagi prestasi dan kecemerlangan sektor pendidikan tinggi yang telah dibangunkan oleh kerajaan negeri Melaka bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang di negeri bersejarah ini.

"UTeM bersedia untuk memberikan khidmat nasihat dan kepakaran dalam membantu KUIM memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kementerian bagi memperoleh penarafan universiti sepenuhnya menjelang 2017 nanti" jelasnya.

Beliau berkata, antara bentuk kerjasama yang boleh ditawarkan oleh UTeM kepada KUIM termasuk pematapan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) penyelidikan dan inovasi (P&I), penubuhan fakulti teknologi maklumat dan komunikasi, penambahbaikan institut pengajian siswazah serta meningkatkan bilangan pensyarah yang memiliki kelayakan Doktor Falsafah (PhD).

Sementara itu menurut Dr. Mohd Taib, pihaknya merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen UTeM dalam merealisasikan hasrat KUIM itu sejajar dengan agenda kerajaan negeri untuk memperkasakan lagi pelancongan pendidikan di negeri itu.

Beliau percaya keberadaan UTeM dan KUIM di negeri Melaka melalui penawaran pelbagai kursus pengajian yang berkualiti tinggi telah menarik minat ramai pelajar tempatan dan luar negara untuk melanjutkan pengajian di negeri itu yang terkenal sebagai sebuah negeri maju dengan persekitaran kondusif, selamat dan bersih.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) KUIM Noor Jeffri Abdul Wahab, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) KUIM Prof. Madya Dr. Mohd Fadzil Mohd Idris serta barisan pegawai kanan UTeM dan KUIM.



UTeM LANCAR PROGRAM U-BIS, PUPUK BAKAT USAHAWAN SISWA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melancarkan Program Pembangunan Usahawan Mahasiswa (U-BIS) bagi melahirkan graduan bercirikan usahawan yang mampu menyediakan peluang kerjaya kepada masyarakat di negara ini.

Menurut Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, program itu menyasarkan untuk melahirkan 50 usahawan siswa UTeM setahun yang akan diberi latihan dan kursus kemahiran sebelum dibenarkan untuk menjadi rakan niaga bagi memasarkan produk-produk berpotensi syarikat tersebut.

"Bidang keusahawanan merupakan antara teras dalam menjayakan agenda Model Baharu Ekonomi (MBE) bagi merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kejayaan ini penting dalam mentransformasikan pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi serta menyumbang kepada penguatan ekonomi negara" ujar beliau ketika ditemui pemberita pada majlis perasmian program tersebut di Kampus Induk Durian Tunggal Khamis lepas.

"Oleh itu, besarlah harapan saya agar bakal usahawan muda UTeM dapat mengambil kesempatan dan peluang ini dengan sebaik-baiknya dalam mempelajari selok-belok perniagaan atas talian bersama Irfan Khairi ini" ujar beliau.

Beliau berkata, PPK UTeM akan menyelia dan memantau pelaksanaan program tersebut yang merupakan salah satu inisiatif pihak kerajaan

melalui Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi bagi menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih holistik.

Beliau berkata, walaupun UTeM merupakan universiti awam yang berfokus dalam bidang teknikal, namun bidang keusahawanan turut ditekankan di dalam Pelan Strategik Universiti 2012-2020 bagi membentuk pemimpin berciri teknosusahawanan untuk membangunkan atribut keusahawanan di kalangan pelajar pelajarannya.

"Saya yakin usahawan-usahawan muda yang digilap daripada program ini nanti bukan sahaja bijak dalam melancarkan strategi perniagaan, malah turut memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat" ujar beliau.



Zulfatria Abdullah  Jurufoto Rasmi Universiti 

Seramai 24 pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai program Bakti Siswa anjuran Kelab Penyayang UTeM di kawasan perumahan Kilang Kelapa Sawit, Palong Cocoa, Segamat Johor baru-baru ini.

Menurut Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) UTeM, Hamzah Sirun berkata, program selama 3 hari itu merupakan susulan daripada program pertama yang pernah diadakan di situ pada tahun 2013 yang lalu.

Beliau berkata, program dengan kerjasama Persatuan Wanita kawasan tersebut memberi peluang kepada para pelajar UTeM menambah pengalaman serta memperkukuh hubungan silaturahim yang telah terbina sebelum ini.

PELAJAR UTeM ANJUR BAKTI SISWA PALONG COCOA



Simpati dan terharu dengan nasib mereka yang tidak berkemampuan, pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengambil inisiatif menganjurkan program Dapur Jalanan dengan mengedarkan makanan dan barang keperluan kepada golongan tersebut pada Sabtu lepas di sekitar Kuala Lumpur.

Program anjuran Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa UTeM (SRIM) itu bertujuan untuk menyemarakkan sifat masyarakat terutama para pelajar supaya mengambil berat dan membantu golongan memerlukan sekaligus menjadikan ianya budaya masyarakat di negara ini.

Menurut Pengarah program Nursyafizila Azizan berkata, seramai 80 orang pelajar pelbagai kursus dan fakulti telah menyertai program itu yang dimulakan seawal jam 2.00 petang bagi menyediakan keperluan makanan secara gotong royong sebelum bertolak ke Kuala Lumpur.

"Sambutan yang diterima daripada pelajar untuk menyertai program ini amatlah menggalakkan kerana mereka sanggup menghabiskan masa cuti hujung minggu dan ini membuktikan mereka sememangnya prihatin dengan nasib golongan gelandangan ini" ujar beliau.

Beliau berkata, program Dapur Jalanan yang mengambil inspirasi daripada Food Not Bombs (FNB) yang pernah dilakukan di luar negara itu merupakan antara aktiviti kemasyarakatan yang sering dianjurkan oleh SRIM bagi memupuk rasa bersyukur, meningkatkan semangat sukarelawan dan mengeratkan hubungan antara pelajar UTeM dengan masyarakat.

"Tepat jam 12.00 tengah malam, sukarelawan kami telah mula mengagihkan makanan kepada gelandangan di sekitar kawasan Pudu dan Kuala Lumpur dan berakhir sekitar jam 3.00 pagi. Walaupun keletihan namun para sukarelawan tetap bersemangat dan berpuas hati kerana dapat menyelami perasaan warga gelandangan kota yang dihimpit desakan ekonomi dan kemiskinan" ujar beliau.

Sementara itu, menurut Penolong Pendaftar Kanan Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) UTeM Azly Hisham Haron yang juga Penasihat SRIM berkata, pejabat HEP sentiasa memberi galakan dan sokongan

Pelbagai aktiviti telah dianjurkan melibatkan pelajar dan penduduk setempat termasuk program keluarga angkat dan gotong royong bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan kehidupan masyarakat di desa.

"Sebanyak 10 buah keluarga telah terlibat dalam program keluarga angkat pada kali ini dan telah dapat memupuk hubungan mesra antara pelajar dan keluarga angkat serta berpeluang melihat secara dekat kehidupan masyarakat desa" ujar beliau.

Program bakti siswa pada kali ini juga turut berkesempatan untuk mengadakan beberapa aktiviti seperti seminar motivasi, sukaneka dan malam kebudayaan yang melibatkan murid Sekolah Kebangsaan Kedemak yang berhampiran.

Penganjuran aktiviti tersebut secara tidak langsung menyuntik semangat dan minda murid sekolah tersebut mengenai kepentingan pendidikan bagi menjamin kehidupan masa hadapan.

"Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan lagi hubungan antara pelajar dengan masyarakat luar tanpa mengira perbezaan umur, agama dan bangsa sekaligus mencorakkan nilai positif dalam pembinaan jati diri di kalangan pelajar UTeM" ujarinya lagi.

Sementara itu menurut Guru Besar sekolah tersebut Muhammad Nor Shukroni berkata, pihaknya merakamkan setinggi penghargaan kepada Kelab Penyayang UTeM kerana memilih sekolah tersebut sebagai salah satu lokasi program bakti siswa kali ini yang menyaksikan penglibatan murid seramai 46 orang.

"Diharapkan aktiviti yang telah diadakan ini dapat mewujudkan interaksi di antara murid dengan pelajar UTeM sekaligus menarik minat mereka untuk lebih bersemangat dalam bidang akademik dan persiapan untuk menduduki peperiksaan terutamanya bagi mereka yang akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)" katanya.

PELAJAR UTeM PRIHATIN NASIB GOLONGAN GELANDANGAN

SRIM berkata, pejabat HEP sentiasa memberi galakan dan sokongan terhadap penganjuran program berbentuk khidmat masyarakat bagi memberi kesedaran pelajar untuk membantu golongan masyarakat yang memerlukan.

Beliau berkata lebih membanggakan lagi adalah program tersebut dilaksanakan dengan menggunakan sumber kewangan tabung SRIM sendiri selain sumbangan daripada pelajar.

"Saya percaya dengan usaha ini dan segala bentuk sumbangan yang telah diberikan oleh sukarelawan UTeM ini dapat memberi makna yang amat besar kepada golongan gelandangan tersebut tanpa mengira bangsa dan agama," ujar Azly lagi.

Program tersebut turut mendapat kerjasama daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta badan bukan kerajaan (NGO) setempat.





utem_mo

UTeM Official Insta
www.utm.edu.my

181 posts 2,411



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Search:

ments FOLLOWING

Program Where Great Technical Careers Begin!

followers 0 following



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





Dr. Radzuan bin Nordin
Pengarah Pusat Islam

TAZKIRAH PUSAT ISLAM

BUANG YANG KEROH AMBIL YANG JERNIH

Indahnya hidup ini jika sentiasa di kelilingi dengan perkara-perkara yang baik sahaja. Jauh daripada perkara negatif seperti umpatan, keji mengeji, fitnah, berprasangka dan bermacam lagi perkara-perkara yang tidak disukai.

Buangkan yang keroh ambil yang jernih merupakan pepatah Melayu yang masih relevan digunapakai sehingga hari ini. Ia juga boleh disamakan dengan maksud bahawa melenyapkan perkara yang negatif dan beralih kepada perkara positif. Untuk mewujudkan suasana yang positif dan yang baik ia perlu bermula dari diri kita, dan di dalam diri kita terdapatnya hati iaitu penentu kepada tindak tanduk kita.

Dari An Nu'man bin Basyir r.a., Nabi s.a.w. bersabda,

الْأَوْءَانُ فِي الْجَسَدِ مَضْعُغَةٌ إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ ،
وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ . أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya : "Ingatlah bahawa di dalam jasad itu ada segumpal daging. Jika ia baik, maka baik pula seluruh jasad. Jika ia rosak, maka rosak pula seluruh jasad. Ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung)"

(HR. Bukhari no. 52 dan Muslim no. 1599)

Dari hati yang baik segala tindakan kita juga akan menjadi baik. Apa yang dipandang, yang didengar juga ditafsirkan sebagai perkara positif. Contohnya apabila mendapat teguran daripada sahabat ataupun sesiapa sahaja, orang yang hatinya bersih akan mengambalnya sebagai teguran yang membina dan bukannya satu keaiban atau memalukan. Maka ia dapat menerimanya dengan hati yang terbuka dan tenang.

Petua untuk mendapat hati yang tenteram perlulah banyak ingat kepada Allah SWT dengan penuh keimanan.

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya : "Mereka ialah orang-orang yang beriman, yang hatinya menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatilah, hanya dengan mengingat Allahlah hati orang mukmin menjadi tenteram."

(Ar-Ra'du:28)

Bila Allah SWT sentiasa di hati, kita akan takut untuk membuat perkara yang dilarang dan kita tidak mudah untuk mempunyai hasad dengki, khianat, mengeji dan sebagainya. Hasad dengki sering terjadi di kalangan kita kerana adanya perasaan tamak dan sentiasa ingin

menang. Cuba kita alihkan perasaan itu dengan mengatakan bahawa, rezeki itu Allah SWT yang tentukan dan Allah SWT Maha Mengetahui siapa yang akan diberikan tanpa tersalah alamatnya. Kita mesti meyakinkannya dan kesannya tiada lagi untuk kita berdengki sesama Islam malah tumpang bersyukur kerana nikmat yang diberikan. Ingatlah juga bahawa, sebelum ini juga ada dimaklumkan bahawa orang yang berdoa untuk orang lain tanpa pengetahuannya, turut didoakan oleh Malaikat.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
" مَا مِنْ عَبْدٍ مُسْلِمٍ يَدْعُو لِأَخِيهِ بِظَهْرِ الْغَيْبِ إِلَّا قَالَ الْمَلَكُ : وَلَكَ مِثْل "

Ertinya : "Tidak ada seorang muslim pun yang mendoakan kebaikan bagi saudaranya (sesama Muslim) tanpa pengetahuannya, melainkan Malaikat akan berkata, "Dan bagimu juga kebaikan yang sama" – (Muslim)

Oleh itu cubalah untuk bersihkan hati dan jadikan hati sentiasa sihat dari penyakit hati. Banyakkan beristighfar, bertahjud, bertadabbur dengan al-Quran, bersedekah, dan perbanyakkan melakukan sunnah Rasulullah s.a.w dan berusaha untuk menjauhi perkara mazmumah.





Zulfatria Abdullah Jurufoto Rasmi Universiti

PENYELIDIK UTeM RANGKUL EMAS DALAM EKSPLO INOVASI

Penyelidik daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mempamerkan kecemerlangan apabila meraih kejayaan dalam Pameran Penyelidikan Antarabangsa (ITEX) 2015 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor berkata, dalam pertandingan tersebut penyelidik UTeM telah berjaya meraih tiga pingat emas, satu pingat perak dan lima pingat gangsa melalui penyertaan 10 produk inovasi.

Beliau berkata, pingat emas telah diraih oleh penyelidik Prof. Madya Ir. Dr. Sivarao Subramonian melalui produk Tyre Pressure Sustaining System (T-Press), penyelidik Mohamad Fani Sulaiman dengan produknya dikenali TADA-chi serta produk Smart Obrometer With Flood Alert Apps System ciptaan penyelidik Musa Yusup Lada.

Manakala pingat perak diraih penyelidik Khairul Azha A Aziz melalui produk ciptaannya Smart Android Wheelchair Controller. Pingat gangsa pula berjaya diraih melalui produk Transformer Dissolved Gas Analysis Using Duvualtriangle ciptaan penyelidik Mohd Shahril Ahmad Khair, Mari Belajar Doa: Mobile Augmented Reality Application For Pre-Schoolers ciptaan Syarifanor Hisham, Attendance System Using Near Field Communication (NFC) ciptaan Prof. Madya Dr. Burairah Hussin, Wireless ATC ciptaan Mohd Shahrieel Mohd Aras serta produk RH2000 Cybernatics Hand ciptaan Dr. Fariz Ali.

Untuk rekod, ITEX merupakan pameran yang bertujuan menggalakkan penyelidikan bagi tujuan pembangunan dan pengkomersilan serta meningkatkan pembangunan kelestarian masyarakat Malaysia.

UTeM ANJUR UTeMEX 2015 KALI KETIGA OKTOBER DEPAN

10 Ogos - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan menganjurkan buat kali ketiga Ekspo Pameran Penyelidikan dan Inovasi (UTeMEX) yang akan berlangsung pada 27 hingga 28 Oktober nanti.

UTeM dalam satu kenyataan media memberitahu, ekspo dwitahunan yang bakal berlangsung di Dewan Besar Kampus Induk UTeM itu adalah merupakan anjuran Pusat Pengkomersilan UTeM (UCC) dengan tema 'Innovating Technology for Societal Well-Being'.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani Mohd Nor, yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Induk UTeMEX 2015 berkata, penganjuran UTeMEX itu akan menjadi wadah untuk meningkatkan lagi kualiti dan daya saing para penyelidik dan pelajar dalam menghasilkan produk berasaskan penyelidikan agar lebih berinovatif, berimpak serta bernilai komersil.

'Sasaran UTeMEX kali ini adalah sebanyak 200 penyertaan dari semua Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti serta sekolah-sekolah yang dipelawa untuk menyertai ekspo ini bagi menyemarakkan dan melestari budaya penyelidikan dan inovasi dikalangan masyarakat' jelas Mohd Jailani.

Menurut Mohd. Jailani lagi, ekspo itu juga bertujuan untuk menghimpun kepakaran yang memperlihatkan kepelbagaian hasil cipta dan rekebentuk produk penyelidikan serta inovasi dengan aplikasi termaju dan terkini.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan jalinan kerjasama antara industri dan komuniti agar jaringan kerjasama antara universiti-industri-komuniti serta mempromosi negeri Melaka sebagai hub pendidikan dan penyelidikan.

Antara pengisian program sempena ekspo itu adalah pameran penyelidikan, pertandingan inovasi TRIZ, pertandingan poster penyelidikan serta pepadanan perniagaan bersama pihak industri.

Untuk maklumat lebih lanjut atau sebarang keterangan serta pertanyaan mengenai UTeMEX 2015 ini, sila hubungi Syahira Adnan (syahira@utem.edu.my) / utemex@utem.edu.my, di talian 06-3316061 atau Prof. Madya Dr. Badrul Hisham Ahmad (badrulhisham@utem.edu.my) di talian 06-3316069. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 1 September 2015.

UTeMEX 2015

"Para penyelidik UTeM yang berminat untuk memaparkan artikel berkaitan penyelidikan dan inovasi boleh menghantarkan maklumat tersebut melalui emel kepada zulfatria@utem.edu.my atau nurnadhirah@utem.edu.my. Tertakluk kepada syarat dan peraturan."



UTeM **BANTU** PDK SERI PENGASIH

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyerahkan sumbangan kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Seri Pengasih, Durian Tunggal semalam.

Majlis penyerahan tersebut telah diadakan bersempena lawatan Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib ke pusat tersebut yang merupakan pusat pemulihan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) yang tidak terhad umur.

Penolong Pendaftar Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori UTeM, Zulfatria Abdullah berkata, sumbangan tersebut juga merupakan antara program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang sering diadakan oleh universiti tersebut dalam membantu mereka yang kurang berkemampuan terutamanya di sekitar negeri Melaka.

"Diharapkan bantuan ini akan dapat meringankan beban kewangan yang ditanggung pusat tersebut dalam menguruskan program pemulihan, pembelajaran dan latihan kepada 25 orang kanak-kanak kurang upaya yang berada disitu" ujar beliau.

Sementara itu, Dr. Shahrin berkata, UTeM akan berusaha untuk menyalurkan bantuan yang sewajarnya kepada pusat tersebut melalui penglibatan persatuan dan organisasi yang terdapat di universiti tersebut seperti Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UTeM (Praktis), Koperasi UTeM, Majlis Perwakilan Pelajar UTeM (MPP) serta Pusat Islam UTeM yang dapat melahirkan komuniti masyarakat yang penyayang serta prihatin terhadap nasib mereka yang tidak berkemampuan.

Selain membantu meningkatkan lagi taraf kemudahan pembelajaran, UTeM juga turut akan menawarkan latihan dan kursus secara percuma dalam bidang berkaitan pentadbiran, kewangan dan komputer kepada semua penyelia dan petugas di PDK bagi meningkatkan lagi tahap kemahiran mereka.

Yang turut hadir, Pengerusi PDK Seri Pengasih Ismail Ibrahim, Timbalan Pengerusi PDK Seri Pengasih Ali Aluai, Bendahari PDK Seri Pengasih Datuk Hj Jaapar Jantan, Ketua Pegawai Maklumat UTeM Mohd Isa Mohd Dom, Pengarah Bahagian Pengurusan Kenderaan UTeM Zainal Bidin, Pengarah Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori Fazidah Ithnin, Presiden Praktis UTeM Midsom Lan dan Timbalan Bendahari UTeM Sabarina Abdullah.



POLIS BANTUAN UTeM DISERU PAMER DISIPLIN TINGGI

Semua anggota Polis Bantuan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) diseru untuk mempertingkatkan prestasi kerja dan mempamerkan disiplin diri yang tinggi agar imej polis sentiasa terjaga dan dipandang tinggi.

Demikian dinyatakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Sharin Sahib ketika ditemui selepas majlis pemakaian pangkat kepada 32 orang anggota Polis Bantuan UTeM yang telah disampaikan oleh Ketua Polis Melaka Datuk Chuah Ghee Lye bertempat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka baru-baru ini.

"Walaupun sebagai polis bantuan, peranan yang dimainkan anggota pasukan berkenaan tetap sama seperti anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana mereka turut dihantar menjalani latihan dan kursus di Pulapol" ujar beliau.

Beliau berkata, biarpun kuasa Polis Bantuan UTeM terhad di dalam kawasan universiti, namun disiplin yang tinggi perlu dipamerkan sebagai contoh dan teladan kepada masyarakat terutamanya golongan pelajar.

Katanya, Polis Bantuan UTeM juga perlu menitikberatkan aspek keselamatan dan bertanggungjawab dalam menjaga harta dan premis milik kerajaan yang terdapat di universiti tersebut meliputi Kampus Induk Durian Tunggal, Kampus Teknologi Ayer Keroh serta Kampus Bandar.

"Selain itu, Polis Bantuan UTeM juga akan memastikan aspek keselamatan semua pelajar yang menginap di kolej kediaman pelajar terjamin disamping penubuhan Rakan Keselamatan Universiti (RKU) untuk mewujudkan persekitaran kampus yang sejahtera, selamat serta bebas daripada ancaman jenayah" ujar beliau lagi.

Turut hadir, Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) UTeM Prof. Datuk Dr. Zolkepli Buang, Pengarah Keselamatan UTeM Afindi Abu Bakar serta pengurusan kanan polis negeri.



UTeM, GIAT MARA ALOR GAJAH, UNGGULI FV MALAYSIA 2015

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Giat Mara Alor Gajah Melaka berjaya melakar kejayaan apabila muncul sebagai juara bagi kategori yang dipertandingkan dalam Kejohanan FV Malaysia yang berlangsung dari 21-24 Mei yang lalu.

Kejohanan dwi tahunan anjuran UTeM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu menyaksikan pasukan Jengking Bisa dari UTeM muncul juara dalam kategori kenderaan elektrik (EV) dengan menewaskan pasukan Taylor's Racing Team dari Taylors University. Manakala pasukan Nuri Gempita juga dari UTeM menduduki tempat ketiga.

Dalam kategori pembakaran dalam enjin (ICE), pasukan GMG Southern mewakili Giat Mara Alor Gajah Melaka muncul juara dengan menewaskan pasukan I-Meract dari Institut Latihan Perindustrian (ILP) Mersing yang meraih tempat kedua dan pasukan Orca Racing Institut Kemahiran Mara (IKM) Lumut Perak meraih tempat ketiga.

Pemenang tempat pertama dalam kategori perlumbaan ini membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM10,101.00, tempat kedua RM8,080.00 dan tempat ketiga sebanyak RM5,050.00.

Bagi kategori ICE rekapipta dan inovasi, pasukan daripada Tati University College muncul pemenang pertama dan kedua, diikuti pasukan Giat Mara Alor Gajah ditempat ketiga.

Bagi kategori EV rekapipta dan inovasi, turut dimenangi pasukan Jengking Bisa UTeM di tempat pertama, tempat kedua Taylors University dan pasukan Nuri Gempita juga dari UTeM menduduki tempat ketiga.

Pemenang tempat pertama kategori tersebut membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,050.00, tempat kedua RM3,030.00 dan tempat ketiga sebanyak RM1,010.00.

Kejohanan julung kali yang diadakan di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) itu juga menyaksikan pasukan dari UTeM dan Giat Mara Alor Gajah berjaya meraih anugerah "The Most Outstanding Team" bagi kedua-dua kategori sekaligus membawa pulang wang tunai berjumlah RM20,202.00. Pasukan dari UTeM turut memenangi "Green Tech Bestawal Award" dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM10,010.00

Sementara itu, menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor berkata, kejohanan FV Malaysia dengan tema "Competitive Motorsport Through Engineering Excellent." telah mendapat sambutan yang menggalakkan apabila telah disertai 39 pasukan mewakili 27 institusi pengajian tinggi dari seluruh negara.

"Penganjuran kejohanan ini telah berjaya meningkatkan keupayaan analitikal dan teknikal pelajar khususnya dalam penyelesaian masalah secara kritis, kreatif dan inovatif sekaligus memberi pengalaman pembelajaran yang unik kepada pelajar sejajar dengan usaha kerajaan untuk menghasilkan graduan yang holistik dan berbakat" ujar beliau.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka, Datuk Wira Md Yunus Husin. Yang turut hadir, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka Datuk Ar Ismail Othman, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid serta pegawai-pegawai kanan universiti.



MAJLIS ANUGERAH SUKAN UTeM TINGKAT KUALITI AHLI SUKAN UNIVERSITI

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Majlis Anugerah Sukan UTeM bagi memberi pengiktirafan dan meraikan kejayaan serta kecemerlangan pelajar yang telah bertungkus lumus mencurahkan bakti menghargakan nama UTeM dalam bidang sukan sepanjang 2014.

Majlis yang berlangsung di Dewan Pusat Sukan Kampus Induk Durian Tunggal pada Rabu lepas itu turut menyaksikan penyerahan 12 Anugerah Sukan dan 12 Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar yang buat pertama kalinya diadakan serentak.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid berkata, penganugerahan tersebut merupakan sebagai pendorong dan menyuntik semangat lebih ramai warga UTeM untuk bergiat dengan lebih gih seterusnya menempa kecemerlangan dalam bidang yang diceburi khususnya dalam bidang kesukanan, persatuan dan kelab.

"Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang mengkhusus dalam bidang teknikal, UTeM komited untuk melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi dan kompeten serta mempunyai nilai diri dan keperibadian yang cemerlang" ujar beliau ketika ditemui pihak media.

Beliau berkata, penglibatan aktif warga UTeM dalam bidang sukan dan persatuan dapat meningkatkan lagi keyakinan diri, semangat juang tinggi, membina asas kepimpinan dan kerja berkumpulan sebagaimana yang telah digariskan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (Pendidikan Tinggi) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Sri Najib Razak baru-baru ini.

Majlis tersebut telah menyaksikan Nor Fadli Nor Mohamed dan Nurul Ain Mohd Ali telah ditabalkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati kategori pelajar manakala Mohd Hairi Md Rahim dan Siti Massheila Azman muncul sebagai Olahragawan dan Olahragawati kategori staf.

Manalaka Nor Aishah Mat Jam dan Nuridawati Mustafa telah terpilih sebagai Atlit Harapan kategori pelajar dan staf manakala Pasukan Dart Lelaki Staf muncul penerima anugerah pasukan cemerlang dan pasukan ragbi bagi kategori pelajar.

Anugerah Bakti dan Kecemerlangan Pelajar pula menyaksikan Muhammad Hakimi Idris telah menerima anugerah kemasyarakatan kategori individu dan Kelab Persada UTeM bagi kategori kumpulan. Badan Dakwah dan Kerohanian (Badar) telah muncul sebagai persatuan siswa terbaik dan Kolej Kediaman Lestari diiktiraf sebagai kolej kediaman terbaik.

Hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib yang turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad, Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasilitas) Prof. Datuk Dr. Zolkepli Buang serta pegawai kanan universiti.



UTeM RAIH KEJAYAAN DALAM CABARAN KAYUHAN UNIVERSITI

Pelumba dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah meraih kejayaan dalam Kejohanan Varsity Cycling Challenge (VCC) yang telah berlangsung di Litar Antarabangsa Sepang baru – baru ini.

Kejohanan edisi pertama anjuran Pusat Sukan UTeM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia itu telah disertai oleh hampir 200 pelumba yang terdiri daripada pelajar, staf pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) serta pelajar sekolah bawah 18 tahun.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM Dr. Asiah Pilus berkata, pelumba UTeM yang terdiri daripada Ahmad Ghadaffi Zulkifly, Muhammad Arif bin Mohamad Zabidi, Muhamad Asyraf Anuar dan Muhammad Nurhaidi Sharifuddin telah muncul sebagai naib johan dalam kategori pelajar Institut pengajian tinggi lelaki berpasukan.

Manakala bagi kategori pelajar IPT wanita berpasukan, UTeM telah meraih pingat gangsa yang telah disumbangkan oleh pelumba Nur Aisyah Aminuddin, Siti Ezzatul Ain Yazid, Azni Zulkifli dan Nur Nabihah Azman.

Beliau berkata, kejayaan tersebut telah membolehkan UTeM meraih tempat ketiga bagi kategori keseluruhan pelajar IPT lelaki dan wanita.

"Tahniah diucapkan kepada pelumba UTeM yang telah mempamerkan prestasi cemerlang dalam kejohanan tersebut sekaligus mengharumkan nama universiti ini" ujar beliau.

Antara pasukan yang telah mengambil bahagian termasuk dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Politeknik Kuching Sarawak, Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Keroh Melaka, dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail Johor.



Tahniah

Perlantikan




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Tahniah
YB Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh
diatas lantikan sebagai
Menteri Pendidikan Tinggi






KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Tahniah
Y.B. Datuk Mary Yap Kain Ching
atas perlantikan
sebagai
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi




KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Tahniah
YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang
atas perlantikan sebagai
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi



UPCOMING EVENTS



Anugerah AKADEMIK UNIVERSITI 2014

28 September 2015
Ballroom 1, Tingkat 11, Matten Hotel

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Tahniyah Graduan

Bersama mencipta sejarah...

Konyokesyen

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

No. 11

Dewan Besar UTeM
18 & 19 OKTOBER 2015 (KABUTERA & HARI)
BERSAMAAN 10 & 20 ZULKAHIRAH HEBAT

Susutanda
PROF. CANSelor, LEMBAGA PENGARAH, NIBS CANSelor,
PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN
SELURUH WANGSA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)



UTeMEX 2015

EXPO PENYELIDIKAN DAN INOVASI 2015

27-28 OKTOBER 2015 | Dewan Besar UTeM

Innovating Technology For Societal Well-being



ICTEC 2015
INTERNATIONAL CONFERENCE
on Telecommunication, Electronic
and Computer Engineering

November 16 & 17, 2015
Historical City of Melaka, Malaysia

email: ictec2015@utem.edu.my
webpage: <http://ictec2015.utem.edu.my>

All registered papers
will be published in
SCOPUS indexed journals

CeTRI UTeM PRCUM
PHOTONICS RESEARCH CENTRE



MEDIA SOSIAL UTeM

-  MyUTeM
-  UTeM_my
-  utem_moments

scan this!



www.utem.edu.my



**SELAMAT
MENYAMBUT
KEMERDEKAAN**



MALAYSIA
#sehatisejiwa



Daripada

LEMBAGA PENGARAH, NAIB CANSOLOR,
PENGURUSAN TERTINGGI DAN

SELURUH WARGA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



#sehatisejiwa